

04/05/1997

Dr Mahathir mulakan lawatan ke Botswana

GABORONE (Botswana); Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini, semalam untuk melakukan kunjungan rasmi ke negara yang kaya dengan permata berlian.

Ketibaan Perdana Menteri pada jam 11 pagi disambut Presiden Botswana, Ketumile Masire. Turut serta ialah Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, pegawai kanan kerajaan dan 15 ahli perniagaan yang diketuai Pengerusi Kumpulan Arab Malaysian, Tan Sri Azman Hashim.

Pada sebelah tengah hari, pemimpin kedua-dua negara mengadakan perbincangan empat mata mengenai pelbagai perkara yang membabitkan kepentingan bersama.

Perdana Menteri turut berucap dalam satu persidangan yang disertai oleh ahli perniagaan Malaysia dan Botswana mengenai peluang pelaburan yang boleh diterokai di negara yang berpenduduk 1.5 juta itu.

(END)